

**Asean Dan Jepun Perlu Bentuk Hubungan Lebih Bersesuaian - Muhyiddin
Bernama
23 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Selasa menegaskan perlunya negara-negara Asean dan Jepun untuk membentuk dan membina hubungan masa depan mereka menjadi suatu yang lebih sesuai dengan realiti kurun ke-21.

Beliau berkata suatu ketika dulu Jepun ialah rakan utama Asean dalam perkara ekonomi, hari ini, penglibatan ekonomi serantau telah berkembang meliputi China, Korea, India, Australia dan New Zealand.

Ini juga boleh berubah kerana ada cadangan untuk merangka semula rangkaian Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) di bawah aturan yang akan dikenali sebagai Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

"Semua perkembangan ini akan akhirnya memberi impak terhadap status quo. Walaupun kita puas hati dengan keadaan sekarang antara kedua-dua pihak, sudah tiba masanya bagi kita melihat kepada cara baharu untuk mengukuhkan dan mendalami hubungan ini," katanya dalam uaputama pada mesyuarat Perniagaan Asean-Jepun ke-38 di sini.

Pengerusi Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (MAJECA) Tan Sri Azman Hashim dan Duta Jepun ke Malaysia Shigeru Nakamura turut hadir.

Muhyiddin mencadangkan bahawa untuk mengukuhkan hubungan Asean-Jepun, empat bidang perlu diterokai.

Pertama, katanya, adalah perlu untuk menggalakkan pelaburan Jepun dalam sektor tambah nilai tinggi seperti teknologi hijau, teknologi alam sekitar, bio-teknologi, dan teknologi maklumat dan komunikasi di dalam negara Asean.

Kedua, beberapa langkah perlu diambil untuk menggandakan jumlah perdagangan dan pelaburan serta memutuskan penandatanganan perjanjian pelaburan Asean-Jepun dan perkhidmatan Asean-Jepun, katanya.

Ketiga, katanya, adalah perlu untuk memperbaiki kesalinghubungan Asean-Jepun.

Keempat, adalah juga perlu untuk mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi mengenai Asean dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Jepun, katanya.

Mengenai Komuniti Ekonomi Asean (AEC), Muhyiddin berkata Asean tidak seharusnya melambatkan pelaksanaan rancangan membentuk komuniti ekonomi menjelang 2015.

Beliau berkata kemajuan projek ini sedang dipantau di peringkat pemimpin.

"Dalam konteks ini, biarlah saya tegaskan komitmen teguh kerajaan Malaysia untuk melakukan apa yang perlu bagi membentuk AEC. Kadar kejayaan kami dalam pelaksanaan pelan tindakan AEC adalah melebihi 90 peratus," katanya.

Sementara itu, Nakamura membacakan perutusan tahniah daripada Perdana Menteri Jepun Yoshihiko Noda yang berkata Jepun bertekad untuk memperkukuh 'kizuna' (persahabatan) dan akan terus memperluas kerjasama politik dan keselamatan untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan serantau.

Penguatan integrasi ekonomi serantau akan memberi manfaat kepada ekonomi global, kata Noda.

"Peningkatan keslinghubungan Asean adalah satu isu yang Jepun akan usahakan secara aktif bersama dengan sektor swasta. Kami mahu meneruskan usaha untuk mencapai pertumbuhan bersama dengan Asean," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=704078>